



PUSAT PERUMAHAN PELAJAR • STUDENT HOUSING CENTRE

Rujukan : UKM.PPP.100-1/3/1

Tarikh : 31 Januari 2022

**SEMUA PELAJAR PRASISWAZAH & PASCASISWAZAH
KAMPUS BANGI DAN KUALA LUMPUR
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
(KECUALI KOLEJ TUN DR. ISMAIL, CHERAS)**

Saudara/i,

PEKELILING PUSAT PERUMAHAN PELAJAR BIL 1/2022

Dengan segala hormatnya, perkara diatas adalah dirujuk.

Selaras dengan cuti Semester 1 Sesi 2021/2022 yang akan bermula pada **27 Februari 2022** berikut merupakan ketetapan berkaitan dengan perumahan pelajar:

1.0 PERMOHONAN PENGINAPAN BAGI PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH BAGI SEMESTER 2 SESI 2021/2022

Pelajar boleh membuat **permohonan penginapan** pada tarikh seperti berikut:

Tarikh	URL
7 – 20 Februari 2022	https://apps.mu.ukm.my/ekolej

Pelajar yang berjaya mendapat penginapan, **PERLU** membuat pengesahan penerimaan seperti berikut:

Tarikh	URL
26 Februari – 5 Mac 2022	https://apps.mu.ukm.my/ekolej

PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4367 Web: : <http://www.ukm.my/> email : pghperumahan@ukm.edu.my



PUSAT PERUMAHAN PELAJAR • STUDENT HOUSING CENTRE

2.0 PENDAFTARAN KELUAR KOLEJ SEMESTER 1 SESI 2021/2022 DAN PERATURAN PENGOSONGAN BILIK SERTA PENYIMPANAN BARANG

Saudara/i adalah diminta untuk membuat Pendaftaran Keluar Kolej Semester 1 sesi 2021/2022 sebelum atau pada **27 Februari 2022**.

Perkara	Tarikh
Pendaftaran Keluar Kolej Semester 1 Sesi 2021/2022	Sebelum/pada 27 Februari 2022

2.1 Berikut adalah peraturan pengosongan bilik dan penyimpanan barang:

2.1.1 Tarikh akhir **mengosongkan bilik** dan pemulangan kunci di kolej kediaman :

Tarikh	Masa
27 Februari 2022	8.30 pagi – 12.30 tengah hari 2.30 petang – 4.30 petang

2.1.2 Kehilangan kunci akan didenda sebanyak RM20.00.

2.1.3 Barang-barang di dalam bilik hendaklah dikeluarkan dan pastikan bilik anda ditinggalkan dalam keadaan bersih dan sempurna serta dikunci.

2.1.4 Pastikan suis lampu dan kipas dimatikan sebelum meninggalkan bilik.

2.1.5 Denda akan dikenakan jika didapati bilik ditinggalkan dalam keadaan kotor atau lampu/kipas tidak dimatikan.

2.1.6 Sebarang kerosakan perabot atau perkakas bilik yang rosak akibat daripada kecuaiannya pelajar akan dikenakan caj ganti rugi mengikut kadar yang ditetapkan.

2.1.7 Pentadbiran kolej akan menyediakan stor menyimpan barang.

2.1.8 Berikut adalah jadual **penyimpanan barang**:

Tarikh	Masa
14 – 25 Februari 2022	9.00 pagi – 12.00 tengah hari

PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4367 Web: : <http://www.ukm.my/> email : pghperumahan@ukm.edu.my



PUSAT PERUMAHAN PELAJAR • STUDENT HOUSING CENTRE

- 2.1.9 Dokumen-dokumen penting seperti sijil, kad pengenalan, kad kolej, kad matrik, barang-barang kemas dan lain-lain barang berharga **tidak dibenarkan** disimpan di dalam stor.
- 2.1.10 Pihak pentadbiran kolej tidak akan bertanggungjawab di atas keselamatan barang-barang yang disimpan.
- 2.1.11 Saudarafi adalah dilarang menyimpan barang di dalam bilik kuasa elektrik, bilik basuh, surau, bilik pili bomba, bilik aktiviti pelajar dan lain-lain ruang yang tidak dibenarkan oleh pihak pentadbiran kolej.
- 2.1.12 Sebarang permintaan untuk membuka stor semasa cuti tidak akan dilayan. Berikut adalah jadual **pengambilan barang** di stor :

Tarikh	Masa
27 Mac – 14 April 2022	8.30 pagi – 12.30 tengah hari 2.30 petang – 4.30 petang

- 2.1.13 Barang yang tidak diambil dalam jangka masa yang ditetapkan akan dianggap tidak berguna dan akan dilupuskan.

3.0 PERMOHONAN PENGINAPAN LUAR SEMESTER 1 SESI 2021/2022 DAN PENDAFTARAN MASUK SERTA KELUAR LUAR SEMESTER 1 SESI 2021/2022

Bagi pelajar yang memohon menginap di kolej untuk cuti luar semester 1, permohonan penginapan boleh dibuat terus ke pejabat pentadbiran kolej. **Pendaftaran masuk cuti luar semester 1** adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa
28 Februari – 1 Mac 2022	8.30 pagi – 12.30 tengah hari 2.30 petang – 4.30 petang

Pendaftaran keluar luar semester 1 adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa
26 Mac 2022	8.30 pagi – 12.00 tengah hari

PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4367 Web: : <http://www.ukm.my/> email : pghperumahan@ukm.edu.my



PUSAT PERUMAHAN PELAJAR • STUDENT HOUSING CENTRE

4.0 PENDAFTARAN MASUK SEMESTER 2 SESI 2021/2022

Bagi pelajar yang mendapat tawaran Kolej dan telah membuat Pengesahan bagi Semester 2 Sesi 2021/2022, butiran **Pendaftaran Masuk Semester 2** Sesi 2021/2022 adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa
27 – 29 Mac 2022	9.00 pagi – 12.00 tengah hari 2.30 petang – 4.30 petang

Sekiranya saudara/i tidak mendaftar pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah, tempat saudara/i akan ditawarkan kepada pelajar kategori rayuan. Semua kelulusan rayuan kolej adalah tertakluk kepada kekosongan.

Rayuan penginapan boleh dibuat seperti berikut :

Tarikh	URL
30 Mac 2022	https://appsmu.ukm.my/rayuankolej

Kerjasama yang saudara/i berikan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

MEJ. BERSEKUTU (PA) DR. SHAZLI EZZAT GHAZALI
Pengarah
Pusat Perumahan Pelajar

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Bendahari
 - Pengarah, Hal Ehwal Pelajar
 - Pengetua Kolej Kediaman
 - Ketua Pentadbiran Kolej Kediaman

PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4367 Web: : <http://www.ukm.my/> email : pghperumahan@ukm.edu.my